

PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM USM



BULETIN / 2023

BULETIN PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA EDISI 2023

Editorial Buletin

- **Ketua Editor:**

Profesor Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad
Kassim

- **Editor:**

Profesor Madya Dr. Sayuti Mohd Hassan
Haji Ahmad Salwan Abdul Wahab
Cik Edzuwyn Fathin Mahyuddin

- **Penghasilan Artikel:**

Puan Syuhada Omar

- **Grafik dan Susun Atur:**

Encik Muhammad Izz Syahmi Nazaruddin

Hakcipta Terpelihara © 2024

**Mohamad Haafiz Mohmamad Kassim
Sayuti Mohd Hassan
Ahmad Salwan Abdul Wahab
Edzuwyn Fathin Mahyuddin
Syuhada Omar
Muhammad Izz Syahmi Nazaruddin**

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Rancangan Kokurikulum, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang.

Sebarang pelanggaran hak cipta akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Hak Cipta 1987. Untuk kebenaran atau pertanyaan, sila hubungi:
Pusat Rancangan Kokurikulum Universiti Sains Malaysia, prkinduk@usm.my,
atau 04-6535240.

Walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil dalam penyediaan buletin ini, penerbit dan penulis tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau pengecualian maklumat tanpa sengaja. Penerbit dan penulis juga tidak bertanggungjawab atas sebarang masalah yang timbul daripada penggunaan maklumat dan visual yang terkandung di dalamnya.

Penerbitan oleh :
Pusat Rancangan Kokurikulum
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
04-653 5240
<https://kok.usm.my>

Buletin ini diterbitkan setiap tahun



PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM (*TERAS*)

- SUKAN* ●
 - KEBUDAYAAN* ●
 - KEUSAHAWANAN* ●
 - KHIDMAT KOMUNITI* ●
 - KESUKARELAWANAN* ●
 - PENGUCAPAN AWAM* ●
 - DAYA USAHA & INOVASI* ●
 - KELESTARIAN* ●
-

PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



KEBIJAKSANAAN



TRUTH

KEBENARAN

RUKUN NILAI
USM



QALBU




KEMANUSIAAN



KEINDAHAN

PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



KANDUNGAN

MUKA SURAT

SIDANG REDAKSI BULETIN 2023	1
UCAPAN TNC AKADEMIK & ANTARABANGSA DAN UCAPAN PENGARAH PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM 2023	2-3
HARI PERBARISAN PEMBUKAAN LATIHAN BADAN BERUNIFORM SA 22.23	4-13
BENGGEL TRAINING OF TRAINERS	14-15
HAEL HUSAINI BINTANG TOUR 2023	16
PEMUAFAKATAN PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM DAN PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL KE ARAH MENYANTUNI PELARIAN ROHINGYA	17
PROGRAM NEON RUN 2023 : GLOW YOUR HEART	18-21
MOU ANTARA UK FARM DAN USM (PRK)	22-25
KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN KELESTARIAN	26-27
PROGRAM MINDA USAHAWAN DALAM MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN	28-35
PROGRAM KPT - PRIHATIN MADANI SIRI 1-3	36
PROGRAM KPT - PRIHATIN MADANI SIRI 1-5	37
PEMBANGUNAN LESTARI : ADAPTASI IKLIM DAN TENAGA DIPERBAHARUI DI MESIR	38
KEMUDAHAN FASILITI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	39-41




SIDANG REDAKSI BULETIN PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGARAH



TIMBALAN PENGARAH



UCAPAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Sekapur Sirih

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Malaysia Madani,

Syukur Alhamdulillah, Buletin Pusat Rancangan Kokurikulum edisi Sidang 2023/2024 berjaya diterbitkan hasil kerjasama erat seluruh warga Pusat Rancangan Kokurikulum.

Edisi ini bukan sahaja memaparkan perancangan kerja sepanjang tahun tetapi juga menjadi panduan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di Universiti Sains Malaysia (USM).

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Buletin 2023 atas usaha gigih mereka. Saya turut merakamkan penghargaan kepada semua staf Pusat Rancangan Kokurikulum, barisan Pengerusi Rancangan, dan kesemua Tenaga Pengajar yang memberikan komitmen penuh sepanjang tahun 2023. Peranan mereka amat signifikan dalam memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran serta membentuk mahasiswa/i yang seimbang dari aspek sahsiah, keterampilan, dan kemahiran insaniah.

Harapan saya, semangat dan komitmen ini dapat diteruskan bagi mengukuhkan pencapaian Pusat Rancangan Kokurikulum, sekaligus mengharumkan nama USM di peringkat nasional dan antarabangsa.

Semoga tahun 2024 membawa kejayaan yang lebih gemilang dan segala usaha kita diberkati.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR DATO DR.
NARIMAH SAMAT**

**TNC AKADEMIK
& ANTARABANGSA**



UCAPAN PENGARAH PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Secangkir Kata

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Malaysia Madani,

Syukur ke hadrat Allah SWT, Buletin Pusat Rancangan Kokurikulum edisi 2023 berjaya diterbitkan dengan wajah baharu. Saya berbesar hati dapat menyampaikan kata-kata aluan dalam penerbitan ini. Hasil kerjasama erat dan dedikasi seluruh warga Pusat Rancangan Kokurikulum, buletin ini menjadi panduan penting untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum di Universiti Sains Malaysia (USM) dengan lebih teratur dan efisien.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah ditujukan kepada Jawatankuasa Buletin 2023 dalam memastikan kelancaran penerbitan buletin pada kali ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua staf pentadbiran, Pengerusi Rancangan, dan Tenaga Pengajar atas komitmen dan tanggungjawab yang dilaksanakan dengan penuh dedikasi. Mereka merupakan tulangbelakang dan nadi utama dalam memastikan kelancaran pengurusan, pengajaran, dan pembelajaran di Pusat Rancangan Kokurikulum.

Semoga semangat dan motivasi tinggi ini terus menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar. Edisi ini diharap mampu menyemai inspirasi baharu, membawa kita melangkah lebih jauh, sekaligus mengharumkan nama USM.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



**PROFESOR MADYA DR.
MOHAMAD HAFIZ BIN
MOHAMAD KASSIM**

PENGARAH



HARI PERBARISAN PEMBUKAAN LATIHAN BADAN BERUNIFORM SA 22/23





HARI PERBARISAN PEMBUKAAN LATIHAN BADAN BERUNIFORM SIDANG AKADEMIK 2022/2023

Hari Perbarisan Pembukaan Latihan Badan Beruniform Sidang Akademik 2022/2023 bertemakan “Kokurikulum Teras Kepimpinan Siswa” telah dilaksanakan dengan jayanya pada 10 Jun 2023, bertempat di Padang Kawad, USM.

"Aktiviti badan beruniform dapat membentuk sahsiah mahasiswa ke arah lebih berdisiplin, berkeyakinan dan berintegrasi dalam memangkin momentum kecemerlangan mahasiswa," demikian antara intipati ucapan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed sewaktu merasmikan Hari Perbarisan Pembukaan Latihan Badan Beruniform USM.

Naib Canselor turut menyeru siswa-siswi yang melibatkan diri dengan badan beruniform untuk sentiasa memelihara integriti dan nama baik USM pada setiap masa. Perbarisan ini disertai oleh kesemua enam (6) badan beruniform di bawah kendalian Pusat Rancangan Kokurikulum USM yang terdiri daripada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat dan Laut, Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (SUKSIS), Pasukan Bulan Sabit Merah Malaysia Universiti Sains Malaysia (BSMMUSM) dan Pasukan St. John Ambulance (ST. JOHN). Di samping aktiviti ini, terdapat juga persembahan daripada Badan Beruniform PALAPES, SISPA dan SUKSIS dengan penglibatan seramai 100 pelajar.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Habibah A Wahab; Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Leftenan Kolonel Bersekutu (PA) Profesor Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim; dan Yang DiPertua Kor SISPA merangkap Pengarah Projek Hari Perbarisan Pembukaan Latihan Badan Beruniform 2023, Muhammad Ersad Tengku Mazzlan.





TAAT
TAAT
TAAT



SETIA
SETIA
SETIA

JUSTICE



TEGA
TEGA
TEGA



S, ADIL
S, ADIL
S, ADIL






SIAP S
SIAP S
SIAP S



SEDIA
SEDIA
SEDIA

BENGKEL TRAINING OF TRAINERS



BENGKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT)
PENYELARAS/TENAGA PENGAJAR
DAN
MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)
BAGI
KURSUS MPU KELOMPOK 4
INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)

6 SEPTEMBER 2023 (RABU) | 9:00 PAGI - 6:00 PETANG |
BERTEMPAT DI EASTIN HOTEL, PULAU PINANG



BENKEL TRAINING OF TRAINER (TOT) PENYELARAS/ TENAGA PENGAJAR DAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) BAGI KURSUS MPU KELOMPOK 4 - INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)

“Bengkel Training of Trainer (TOT) dan Massive Open Online Course (MOOC) bagi Kursus MPU Kelompok 4 - Integriti dan Antirasuah (KIAR)” untuk Sidang Akademik 2023/2024 susulan daripada arahan pelaksanaan kursus ini sebagai kursus wajib MPU oleh Jabatan Pendidikan mulai kemasukan pelajar Semester I, Sidang Akademik 2023/2024 dan telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Ke-243 serta dimaklumkan dalam Mesyuarat Senat ke-281.

Bengkel ini bertujuan memberi latihan dan bimbingan kepada Penyelaras dan Tenaga Pengajar serta memantapkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi kursus ini untuk ketiga-tiga kampus Pusat Rancangan Kokurikulum bagi memantapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus kokurikulum.

Bengkel ini telah berlangsung pada 6 September 2023 (Rabu), bertempat di Eastin Hotel, Pulau Pinang.



RS



Bintang
TOUR
 2 0 2 3




Konsert luar biasa Hael Husaini yang merupakan anjuran Rancangan Khidmat Komuniti (RKK) di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum USM dengan kerjasama Dewan Budaya USM telah berlangsung pada 10 Jun 2023 (Sabtu), 8.00 malam di Dewan Tuanku Syed Putra, USM.

Program ini diadakan untuk memupuk minat dan mengubah perspektif pelajar dan masyarakat untuk menghargai dan menggunakan bakat yang ada serta dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar untuk berusaha bagi mencapai sesuatu keinginan.

Seramai 2300 orang penonton yang terdiri daripada penuntut Universiti Sains Malaysia dan juga orang awam dan melibatkan kerjasama pelbagai pihak yang terdiri daripada Pusat Rancangan Kokurikulum, Dewan Budaya, Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti dan USAINS Holdings Sdn. Bhd.

Turut hadir menyaksikan persembahan memukau ini ialah Profesor Dr. Azlan Amran, Timbalan Naib Canselor, (Jaringan Industri dan Masyarakat) USM, Profesor Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim, Pengarah (Pusat Rancangan Kokurikulum) dan Puan Ramnah Ramli, Pengarah (Dewan Budaya).



PEMUAFKATAN PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM DAN PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL KE ARAH MENYANTUNI PELARIAN ROHINGYA

Dalam memenuhi tanggungjawab sosial, pihak Pusat Rancangan kokurikulum (KO-K) & Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) serta pelajar-pelajar kursus WSU101-Kelestarian, Isu, Cabaran & Prospek telah mengambil inisiatif dalam menjalankan program “Pemindahan Ilmu Sustainable Development Goals (SDG) & Pengindahan Kawasan” bersama 35 anak-anak pelarian Rohingya, pada tanggal 23 hingga 25 Mei 2023 bertempat di Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Kesemua pelarian di sini merupakan golongan yang telah berdaftar dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Kad UNHCR ini diberikan kepada pelarian yang telah mendapat mandat daripada UNHCR melalui penentuan status hasil penilaian secara individu. Bagi anak-anak pelarian Rohingya, mereka ini memerlukan bantuan yang lebih khusus terhadap peningkatan pendidikan asas daripada mengenal huruf, membaca, mengira dan pengisian rohani kepada penguasaan ilmu kemahiran seperti bertukang, memasak, menjahit, bertani dan sebagainya.

Program seperti ini adalah satu model contoh penglibatan USM bagi mencapai hasrat bersama di bawah Agenda Pembangunan 2030 dan kerangka pelaksanaannya, iaitu Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dengan kerjasama penuh bersama pihak NGO, akademik dan wakil masyarakat. Pendekatan inklusif yang melibatkan semua lapisan masyarakat daripada pembuatan dasar untuk mengatasi jurang dan cabaran di peringkat masyarakat adalah amat penting jika kita ingin mencapai matlamat untuk memastikan tiada insan yang ketinggalan dalam menangani perubahan iklim dan melindungi alam sekitar serta biodiversiti untuk generasi pada masa ini dan masa hadapan.




A smiling man with dark hair, wearing a dark grey t-shirt, giving a thumbs up gesture. He is positioned on the right side of the page, partially obscured by the large text.

NEGO BRU



UN

UN



3 May 2023



NEON RUN 2023

LEVEL UP



GLOW YOUR HEART

PROGRAM NEON RUN: GLOW YOUR HEART anjuran Rancangan Khidmat Komuniti (RKK) di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum Universiti Sains Malaysia (PRK USM) telah berlangsung pada 3 Mei 2023 dan dirasmikan oleh Profesor Dr. Azlan Amran, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) yang turut melepaskan para peserta larian.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk melahirkan pelajar dan masyarakat yang cergas dan sihat, malah sebahagian sumbangan yang dijana daripada bayaran yuran penyertaan akan didermakan kepada golongan yang memerlukan. Inisiatif daripada pelajar ini merupakan satu inisiatif murni yang sangat bermanfaat dan patut dibanggakan.

Seramai 2,400 peserta telah mengambil bahagian dalam acara larian amal tersebut. Program ini yang terbuka kepada semua pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) dan orang awam.

Hadir sama pada majlis adalah Pengarah PRK USM, Profesor Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim; Timbalan Pengarah PRK USM, Profesor Madya Dr. Mohd Sayuti Hassan; Penasihat Program Neon Run, Dr. Noor Alyani Nor Azazi dan pegawai-pegawai USM.

Program juga diserikan dengan acara senamrobik sebelum pelepasan larian dan cabutan bertuah dengan sebuah basikal sebagai hadiah utama dan majlis penutup program juga diserikan dengan persembahan percikan bunga api yang mewarnai dan menerangi ruang angkasa USM.



UK
271872
600099

E A



UK
271822 600099
WAGX
594

MOU antara UK Farm dan USM (PRK) Pakar Rujuk dan Runding ECO-park PRK




MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

ANTARA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN UK FARMING SDN. BHD Pusat Rancangan Kokurikulum telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan usahasama dengan UK Farming Sdn. Bhd. pada 15 Oktober 2023 di UK Farm Agro Resort, Kluang, Johor. Majlis penandatanganan telah dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Mohammad Haafiz Mohammad Kassim, Pengarah dan Prof. Madya Dr. Mohd Sayuti Hassan, Timbalan Pengarah, Pusat Rancangan Kokurikulum bagi pihak USM.

Melalui MOU ini, UK Farming Sdn. Bhd. akan berperanan sebagai pakarrunding dalam pembangunan ECO-Park di USM yang merupakan projek pembangunan taman eko di padang bersebelahan Pusat Rancangan Kokurikulum Induk. Pembangunan taman ini akan menampilkan konsep kelestarian alam sebagai elemen utamanya. Di samping itu, ia turut menawarkan produk ekopelancongan yang bercirikan gaya hidup sihat seiring dengan agenda kelestarian USM. Selain itu, usahasama ini juga menyahut cabaran meneroka bidang keusahawanan dalam ekopelancongan yang bakal memberi pulangan kepada USM.

Kerjasama strategik ini diharapkan akan membawa manfaat besar kepada kedua-dua organisasi melalui program pendidikan berterusan serta penyelidikan dan latihan dalam mencetuskan inovasi. Dengan perkongsian pengetahuan dan penganjuran program perkongsian ilmu jangka pendek dan panjang memberi fokus kepada meningkatkan kemahiran mahasiswa dan mahasiswi dalam ekopelancongan dan keusahawanan. Selain itu, hubungan inijuga akan memberikan impak signifikan dalam penyelidikan, pendidikan, dan pembangunan profesional berterusan kepada pihak Universiti dan masyarakat setempat. Usaha ini bukan sahaja akan meningkatkan penglibatan kedua-dua pihak, tetapi juga menyumbang positif kepada masyarakat secara keseluruhan.





KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN KELESTARIAN 22/23 SA





USM, 22 Jun 2023 - Karnival Keusahawanan, Kelestarian, Kebudayaan dan Sukan (4K1S) Universiti Sains Malaysia tahun 2023 melabuhkan tirainya pada hari ini, dilihat berjaya mencapai matlamat dengan penglibatan lebih 2,000 mahasiswa mempamerkan pelbagai disiplin keusahawanan, seni, budaya dan sukan.

Program anjuran Pusat Rancangan Kokurikulum ini adalah dengan kerjasama para mahasiswa dan mahasiswi yang berdaftar kursus kokurikulum WSC 127 Pengurusan Acara yang berlangsung selama empat hari bermula 19 hingga 22 Jun 2023 di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), USM.

Program yang melibatkan seluruh mahasiswa dan mahasiswi berdaftar kokurikulum di USM ini memberi ruang kepada mahasiswa dan mahasiswi USM untuk bergiat aktif dalam bidang kokurikulum.

Bercakap di majlis penutup karnival tersebut, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) yang turut menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni) Profesor Dr. Azlan Amran berkata, USM sentiasa menyokong apa juga program yang memberi manfaat kepada mahasiswa terutamanya dorongan secara aktif dalam kegiatan keusahawanan, kebudayaan, kelestarian dan sukan.

Tambah beliau lagi, tema 4K1S tersebut bertepatan dengan misi dan visi universiti diharapkan dapat membantu mahasiswa menyesuaikan matlamat yang ingin dicapai sebagai pelajar HEBAT, iaitu 'Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, and Thinking'.

Penutup Karnival 4K1S dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian, tarian kebudayaan dan seni mempertahankan diri oleh mahasiswa pelbagai bangsa dan etnik.





Program Minda Usahawan Dalam Merealisasikan Pembaruan Perniagaan

Fasa 1

30 SEP - 1 OCT
2023

8:00 Pagi -
5:00 Petang

Pusat
Unit



m
ngunan

at Ranc
versiti





PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
MINDA USAHAWAN
@Pusat Rancangan
Kokurikulum USM
30/9/2023



PROGRAM MINDA USAHAWAN DALAM MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN FASA 1 HINGGA FASA 3

Program Minda Usahawan dalam Merealisasikan Pembangunan Perniagaan ini merupakan program di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum anjuran bersama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang berkonsepkan lawatan sambil belajar.

Program ini melibatkan seramai 15 orang pelajar dari pelbagai bidang kursus, 2 orang Pensyarah pengiring dan 5 orang staf daripada Pusat Rancangan Kokurikulum yang akan mengikuti program ini bermula dari Fasa 1 hingga Fasa 3 telah dilaksanakan bertempat di Pusat Rancangan Kokurikulum (USM), Parit Sulong, Batu Pahat, Johor dan Bandar Ho Chi Minh, Vietnam.

Program ini bertujuan mengenal pasti bakat dan potensi Mahasiswa/Mahasiswi untuk menjadi usahawan digital Berjaya serta meningkatkan kemahiran untuk melahirkan usahawan Mahasiswa/Mahasiswi bermotivasi, inovatif dan berdaya saing. Di samping itu, program ini juga dapat menerap etika perniagaan yang agresif serta sikap positif bagi membolehkan usahawan Mahasiswa/Mahasiswi menjalankan perniagaan dan memantapkan lagi daya pemikiran positif terhadap kepentingan meningkatkan produktiviti dan kualiti dan menyubur daya kreatif dan inovatif dalam diri usahawan Mahasiswa/Mahasiswi meningkatkan produktiviti dan kualiti.

Melalui program ini Usahawan ini semua Mahasiswa/Mahasiswi akan berjaya menjadi usahawan yang berjaya dan mempunyai satu produk berjenama tersendiri dan mahir menggunakan Platform Shopee, Lazada dan lain-lain. Mereka juga dapat membuka peluang kepada usahawan-usahawan baru untuk menceburkan diri dalam perniagaan tersebut pada tahun seterusnya.



MINDA FASA 2 USAHAWAN



1 - 3 DISEMBER 2023
@ Hafizan Enterprise,
Batu Pahat Johor



MINDA FASA 2 USAHAWAN



@HO CHI MINH CITY, VIETNAM

MINDA FASA 3 USAHAWAN

MINDA FASA 3 USAHAWAN



@Ho Chi Minh City,
Vietnam
8 - 11 DISEMBER 2023





PROGRAM KPT - PRIHATIN MADANI SIRI 1-3

Program KPT Prihatin, Komuniti Sejahtera (KRIS) bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan mental di kalangan pelbagai komuniti di Langkawi melalui tiga siri program:

1. Siri 1: Kesedaran Kesihatan Mental

- o Tarikh & Lokasi: 7-8 Julai 2023, Dewan Fama, Langkawi.
- o Peserta: 100 pendidik dan kakitangan KEMAS.
- o Objektif: Pendedahan mengenai gangguan kecemasan dan stigma kesihatan mental, membantu guru tadika memahami dan menangani tekanan mental serta mendidik generasi muda yang berdaya saing.

2. Siri 2: Kecerdasan Minda dan Keselamatan Diri

- o Lokasi: Mess Pegawai Kanan PDRM, Pasir Hitam Beach Resort, Langkawi.
- o Peserta : 50 Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- o Objektif: Pengenalan langkah menangani isu emosi dengan kemahiran Emotional Intelligence (EQ), serta kepentingan memahami gejala masalah kesihatan mental untuk intervensi awal. Penekanan diberikan kepada anggota PDRM dan komuniti setempat.

Siri 3: Kecekalan Diri dan Kecerdasan Emosi

- o Lokasi: Kem Wawasan Negara Langkawi.
- o Peserta : 50 Staf Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (I-Lead) dari Kementerian Belia dan Sukan.
- o Objektif: Menghadapi tekanan kerja dan mengatasi stigma kesihatan mental. Program ini juga membimbing staf I-Lead dalam menolong mereka yang mengalami kegelisahan melemahkan.



PROGRAM KPT - PRIHATIN MADANI SIRI 1-5

Program KPT Prihatin, Komuniti Sejahtera (KRIS) dari pelbagai daerah di Pulau Pinang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Pulau Pinang melalui lima siri program. Setiap siri melibatkan kira-kira 50 pelajar daripada komuniti B40, dengan penekanan kepada kesedaran kesihatan mental, pengurusan tekanan, dan pengurangan stigma terhadap penyakit mental.

Siri 1 (4-5 Julai 2023) - Diadakan di Hotel Seri Malaysia, Bertam, siri ini menyasarkan pelajar dari Seberang Perai Selatan (SPS). Acara dua hari ini merangkumi ceramah mengenai kesihatan mental, pengurusan tekanan, dan perbincangan kumpulan menggunakan kaedah World Café.

Siri 2 (17-18 Julai 2023) - Melibatkan pelajar dari Seberang Perai Tengah (SPT). Sebanyak 50 pelajar menyertai bengkel yang memberi fokus kepada isu kesihatan mental, kegelisahan, dan membina keyakinan diri, dengan perbincangan yang merangkumi prestasi akademik dan kesejahteraan mental.

Siri 3 (24-25 Julai 2023) - Siri ini melibatkan pelajar dari Seberang Perai Utara (SPU). Seperti siri sebelumnya, 50 pelajar menghadiri sesi mengenai kesedaran kesihatan mental, pengurusan tekanan, dan kepentingan mengekalkan keseimbangan mental dan fizikal.

Siri 4 (4-5 September 2023) - Menyasarkan pelajar dari Daerah Timur Laut. Sebanyak 50 peserta terlibat dalam perbincangan mengenai gangguan kegelisahan, stigma kesihatan mental, dan meneroka penyelesaian melalui aktiviti praktikal dan sesi World Café.

Siri 5 (11-12 September 2023) - Memberi tumpuan kepada pelajar dari Daerah Barat Daya, siri ini mengetengahkan pengurusan tekanan, kesihatan mental, dan pemakanan. Seramai 50 peserta diberi alat untuk menyokong rakan sebaya yang menghadapi cabaran kesihatan mental.

PEMBANGUNAN LESTARI : ADAPTASI IKLIM & TENAGA DIPERBAHARUI DI MESIR

Pusat Rancangan Kokurikulum dengan kerjasama Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) telah mengambil inisiatif untuk berkongsi ilmu dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan di Egypt, Mesir dalam usaha mengintegrasikan aspek adaptasi bagi menangani Kesan Perubahan Iklim dan Pemanasan Global.

Program yang dijalankan selama 10 hari (14 Ogos 2023 hingga 23 Ogos 2023) bertempat di Helnan Hotel Egypt dan dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia di Mesir, Ambassador TYT Zamani Bin Ismail.

Program ini dibiayai sepenuhnya oleh “The Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP), Ministry Of Foreign Affairs” – ‘Penghantaran Pakar’, manakala para peserta adalah terdiri profesor, pensyarah, akauntan, penguam, arkitek dan lain-lain. Beberapa universiti seperti Cairo University, Helwan University & The American University in Cairo amat berminat untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan USM.



Kemudahan fasiliti **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

STADIUM HOKI



**ARENA SUKAN
AZMAN HASHIM USM**




**KOMPLEKS SUKAN
MINDEN USM**




**GELANGGANG
TENIS / BOLA JARING**



USMILE FITNESS



**KOPA ARENA USM
(PADANG SINTETIK)**



**STADIUM
OLAHRAGA**



**KOMPLEKS
KOLAM RENANG**



Kemudahan fasiliti UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

NEST @ USM



MINDEN 11800



DEWAN BUDAYA



**DEWAN TUANKU
SYED PUTRA**



THE BRICKS @ USM



**CABIN IN THE
WOODS**



**CGH
LEARNING SPACE**



**UPTOWN MALL USM
(DATARAN USAHAWAN SISWA)**



Kemudahan fasiliti

PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM USM

FOYER PRK



DEWAN UTAMA



AUDITORIUM



**TAPAK
PERKHEMAHAN**



SUDUT BELAJAR



**BASIKAL
(SEWA)**



KENDERAAN



GIMNASIUM MINI





PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

